

MEMARTABATKAN TELUK MENKABONG SEBAGAI KAWASAN PELANCONGAN LESTARI BERASASKAN WARISAN SEJARAH DAN EKOPELANCONGAN

Dignifying Teluk Mengkabong as a Sustainable Tourism Area Based on Historical Heritage and Ecotourism

Jakaria Dasan^{1*} & Baszley Bee Basrah Bee²

¹Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan,
Universiti Malaysia Sabah, Sabah, MALAYSIA

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah, Sabah, MALAYSIA

*e-mel: jakaria@ums.edu.my

Published: 23 June 2022

To cite this article (APA): Dasan, J., & Basrah Bee, B. B. (2022). Memartabatkan Teluk Mengkabong sebagai Kawasan Pelancongan Lestari Berasaskan Warisan Sejarah dan Ekopelancongan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(1), 41–50. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.1.6.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.1.6.2022>

ABSTRAK

Teluk Mengkabong wujud pada abad ke-16 Masihi dan pahlawannya terlibat mempertahankan wilayah-wilayah di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei. “Menang, mereka tidak suka dicanang, tumpas makam tidak terkesan.” Beberapa tapak dan bentuk tinggalan arkeologi di pulau-pulau dalam Teluk Mengkabong menunjukkan perkaitan sejarah ini. Selain kekayaan citra budaya dan tradisi Bajau-Samah, terdapat juga deretan paya bakau dan pulau-pulau kecil serta habitat laut yang sangat berpotensi besar untuk menyokong pembangunan ekopelancongan Teluk Mengkabong. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif melibatkan responden terpilih dan kajian arkib serta 116 orang penduduk dan 70 orang kakitangan Universiti Malaysia Sabah. Wujud kesediaan dalam kalangan penduduk untuk menjayakan usaha membangun Teluk Mengkabong sebagai kawasan ekopelancongan yang disokong kuat oleh warisan sejarah. Tetamu luar turut memberikan pandangan yang sama. Usaha sedemikian akan membawa kepada sistem pembangunan pelancongan yang lestari. Sekali gus, menyelesaikan masalah sosio-ekonomi kekurangan peluang pekerjaan dan pencemaran air yang menyelubungi masyarakat di kawasan ini.

Kata kunci: Komuniti; ekopelancongan; sejarah; ekosistem; Bajau-Samah

ABSTRACT

Teluk Mengkabong existed in the 16th century and many of its fallen heroes involved in defending the territories while the area was under the ruling of the Sultanate of Brunei. Several sites of archaeological remains in Teluk Mengkabong have demonstrated this historical linkages. Having row of mangrove swamps and surrounded by several small islands with various marine habitats, this particular area is unique and enriched with the Bajau-Samah ethnic culture and tradition, rendering it as a great potential for supporting its development towards ecotourism. This research aimed to understand and perceived the acceptance of transforming Telok Mengkabong into ecotourism area. We employed qualitative and quantitative methods involving 186 respondents of Teluk Mengkabong residents and staff of Universiti Malaysia Sabah as well as archival input as references. Results show there is willingness and motivation among residents to succeed in developing Teluk Mengkabong as an ecotourism area based on its strong stand as a historical heritage. Similar perceptions were gathered from

respondents who are not originating from this place. Hence, coordinated efforts would ensure successful and sustainable ecotourism project at Teluk Mengkabong. Concurrently, solving the lack of employment opportunities and water pollution problems that the community has to succumb for the past many years.

Keywords: *Community; ecotourism; history; ecosystem; Bajau-Samah*

KESAN PANDEMIK COVID-19 KEPADA INDUSTRI PELANCONGAN

Seluruh dunia sangat terkesan dengan pandemik COVID-19 khususnya industri pelancongan yang terjejas teruk. Hanya terdapat dua solusi untuk merancakkan kembali industri ini iaitu memastikan semua penduduk mendapat vaksin dan tidak lagi ada pembawa COVID-19 yang menularkan varian baharu berbahaya ke negara ini. Banyak pusat pelancongan pasti sukar untuk bangkit kembali jika kes COVID-19 terus meningkat dan mengambil masa yang lama untuk pulih kepada keadaan sediakala. Pun begitu, usaha untuk memperbanyakkan lagi destinasi pelancongan di negara ini amnya dan di Sabah khasnya perlu dilakukan sebagai menyahut pelan pemulihan industri pelancongan negara yang sedang memperhebatkan pelancongan domestik (MOTAC, 2021) sebagai mengaktifkan kembali industri ini. Sekali gus usaha ini dilihat mampu menceriaikan kembali para pengusaha pusat pelancongan, para pekerja berkaitan industri pelancongan dan sektor sokongan kepada industri pelancongan. Tambahan pula, sebelum pandemik COVID-19 melanda dunia, industri pelancongan merupakan penyumbang ketiga terbesar peluang pekerjaan di Sabah (Sabah Tourism Board, 23 Julai 2021).

Sejajar dengan itu, pembukaan lebih banyak destinasi pelancongan wajar dilakukan apatah lagi masih banyak terdapat kawasan-kawasan di negeri Sabah yang masih kaya dengan flora dan faunanya serta habitat semulajadi termasuklah yang terletak di pantai, tasik, sungai dan lain-lain yang menjanjikan pengalaman yang menggembarakan, mengujakan, menenangkan, menarik, dan menyeronokkan (Chhetri, Arrowsmith & Jackson, 2004; Mohd Amin & Chhetri, 2012). Pengalaman seperti inilah yang biasanya disajikan oleh pelancongan berteraskan ekologi. Ringkasnya disebut sebagai ekopelancongan yang memfokus kepada pemuliharaan ekologi dan pelancongan pendidikan di persekitaran dan persekitaran alam (Diamantis, 1999; McKinney, 2016). Diamantis (1999) menjelaskan bahawa definisi bagi ekopelancongan mengandungi tiga elemen iaitu, berasaskan alam semulajadi, pendidikan dan kelestarian. Kemampuan destinasi pelancongan untuk menawarkan ketiga-tiga elemen ini mempengaruhi tahap kepuasan pelancong khususnya kepada mereka yang mempunyai minat terhadap kelestarian ekologi. Menurut McKinney (2016) pula, terdapat tiga fokus kepada pelancongan berasaskan ekologi iaitu ekosistem, biodiversiti dan kelestarian di mana aspek pengalaman pelancong mempelajari sesuatu dari lawatan itu sebagai sumbangan kepada konservasi ekologi adalah merupakan elemen yang perlu dititikberatkan oleh pengusaha ekopelancongan. Pelancongan itu juga disebut lestari jika hasil lawatan itu berjaya menimbulkan kesedaran dalam kalangan pelancong mengenai impak negatif terhadap persekitaran dan masyarakat setempat sekiranya ekosistem tidak dipelihara dengan baik. Inilah yang akan menjadi tarikan kuat kepada sesuatu destinasi pelancongan (Nguyen & Bosch, 2013). Pelancongan lestari sering merangkumi destinasi yang mempunyai ciri-ciri semula jadi yang unik sebagaimana terdapat di kawasan luar bandar. Secara spesifiknya, ekopelancongan boleh didefinisikan sebagai perjalanan yang bertanggungjawab ke kawasan semulajadi yang memelihara alam sekitar (Diamantis, 1999; McKinney, 2016).

Pelancongan berasaskan warisan sejarah pula biasanya dikelompokkan di bawah pelancongan budaya yang turut memaparkan elemen-elemen budaya, adat istiadat dan agama (Ismagilova, Safiullin, & Gafurov, 2015). Tinggalan artifak atau tapak arkeologi kebiasaannya memberi peluang kepada para pelancong untuk mengenali dengan lebih dekat dan memahami dengan lebih jelas tentang sejarah berkaitan (Light, 2015; Towner & Wall, 1991). Light (2015) mendapati bahawa pelancongan yang menerapkan elemen warisan sejarah telah menjadi kian popular dan sering menarik perhatian pelancong. Inilah yang dimaksudkan oleh Tonner and Wall (1991) mengenai peri pentingnya warisan sejarah bukan hanya menjadi sebahagian dari pelengkap kepada destinasi pelancongan bahkan juga memberi ilmu yang boleh dibawa pulang oleh para pelancong. Bersesuaian dengan masyarakat di Teluk Mengkabong yang masih terpelihara rapi adat dan budayanya, maka elemen warisan sejarah yang masih belum dibongkar sepenuhnya turut akan memberi kelebihan kepada pembangunan Teluk Mengkabong

sebagai destinasi pelancongan berteraskan warisan sejarah yang pasti mencuri tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara.

CABARAN SOSIO-EKONOMI DAN EKOSISTEM TELUK MENKABONG

Lokasi

Teluk Mengkabong terletak dalam daerah Tuaran, 36 km dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Asalnya para penduduk di perkampungan Teluk Mengkabong adalah sebahagian besarnya nelayan dan selebihnya adalah petani. Terdapat beberapa buah kampung dalam lokaliti asal Kampung Mengkabong iaitu Soang Kerumahan, Mempalam, Buansa, Tembiluk, Layan (Nelayan), Pensurun, Pensurun Tengah, Separuk, Timbok, Bombong, Raganan, Gerinsing dan Dungun. Manakala, dalam lokaliti lain dalam Teluk Mengkabong terdapat kampung-kampung seperti Jembulang, Saman, Melalin, Berungis, Nongkolud, Giling Laut, Kuburan, Rugading, Lentuong, Terayung dan Gayang dan lain-lain lagi. Semua kampung ini terkait dengan Teluk Mengkabong atas ikatan waris yang merujuk kepada ahli keluarga awal yang berhijrah ke kampung-kampung baharu dari Kampung Mengkabong yang lama. Kampung Mengkabong yang lama itu adalah merujuk kepada petempatan awal Mengkabong yang dihuni oleh masyarakat etnik Bajau-Samah (Mohd. Jamil Al-Sufri, 1999:9-25; Sweeney, 1968:54-55).

DUN Pantai Dalit

Tahun 2020 sangat bersejarah bagi Teluk Mengkabong disebabkan oleh perisytiharan DUN baharu yang dinamakan DUN Pantai Dalit. Lebih bermakna lagi bila mana anak jati Teluk Mengkabong Tuan Jasni Hj Daya dipilih sebagai calon atas tiket UMNO/Barisan Nasional dan seterusnya memenangi kerusi DUN Pantai Dalit. Atas pengalaman lama beliau dalam sektor korporat, beliau diberi kepercayaan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor, memegang jawatan Pembantu Menteri Kewangan II. Antara manifesto Ahli Yang Berhormat ini ialah untuk mengembalikan kegemilangan Teluk Mengkabong menerusi bidang perekonomian yang sesuai lagi menguntungkan agar generasi masa depan masyarakat perkampungan Teluk Mengkabong ini dapat meneruskan cabaran hidup dengan lebih terjamin.

Cabaran Sosio-Ekonomi

Sebelum ini berlaku beberapa bentuk pembangunan bertujuan untuk menganjak minda masyarakat agar selari dengan peredaran zaman. Ini termasuklah pembangunan semula sebahagian kampung air yang bertukar wajah kepada kawasan perumahan atas daratan (*reclaimed land area*). Walaupun pembangunan ini berjaya menyelesaikan beberapa isu tegar yang berlaku bertahun lamanya, namun bagi sebahagian kecil masyarakat, perubahan mendadak ini sedikit mengganggu kelaziman kaedah *pencarian* mereka. Pencarian dalam masyarakat ini bermaksud punca pendapatan seharian. Ini adalah kerana kumpulan yang kecil ini lebih selesa sebagai nelayan dengan *biduk*, yakni perahu sentiasa terikat di tangga dan sedia untuk dibawa ke tengah atau tepian teluk untuk memukat dan menjala ikan dan hasil laut yang lain. Walaupun hasil pencarian tidak seberapa tetapi kehidupan berkeluarga lebih bermakna pada masa itu sepertimana pepatah popular masyarakat ini *mangan nyak mangan, asal kurung-kurung*. Dalam kalangan kumpulan masyarakat ini juga terdapat jurang pendidikan yang agak ketara. Ini menyebabkan apabila mereka beralih kepada pencarian selain dari hasil laut wujud kesukaran mendapatkan pekerjaan yang boleh meneruskan kesinambungan hidup secara stabil dan tetap.

Cabaran Ekosistem

Selain dari rumah-rumah penduduk dan kawasan perumahan yang merupakan punca kepada kemerosotan kualiti air, aliran air dari kawasan perindustrian yang berada di sekitar Teluk Mengkabong juga memberi risiko yang sama kepada kualiti air di Teluk Mengkabong. Walaupun tidak ada ujian persampelan dari makmal dibuat mengenai kondisi tahap air laut dalam teluk ini namun masih ada

kekhuatiran dalam kalangan penduduk yang ditemu bual mengenai kemerosotan tahap kualiti air yang mungkin memberi kesan kepada habitat laut seperti udang, ketam, ikan, dan tiram. Sekiranya pencemaran berlaku maka ketidakstabilan habitat akan menyebabkan habitat berpindah disebabkan oleh bekalan makanan semulajadi iaitu plankton pupus. Pencemaran juga menyebabkan spesis ikan lasak seperti ikan badukang yang tidak boleh dimakan menguasai kawasan air di Teluk Mengkabong daripada spesis awal ikan-ikan seperti bengka, belanak dan beberapa spesis lain. Cabaran kepada ekosistem turut datang dari kaedah pembuangan sampah yang tidak terurus dan sikap sambil lewa masyarakat itu sendiri yang sebarangan melontar sisa makanan ke laut. Kebanyakan sisa-sisa makanan pejal termasuklah plastik ini akan hanyut di tepian dan paya bakau. Hal ini bukan sahaja memberi ancaman kepada habitat itu sendiri malah ia akan menjadi punca kepada penyakit serta merosakkan pemandangan indah Teluk Mengkabong. Sekiranya hal ini tidak dipandang berat, tidak mustahil sungai di Teluk Mengkabong kelak akan menjadi sungai mati.

MENKABONG DALAM KONTEKS SEJARAH ZAMAN TRADISIONAL SABAH

Mengkabong telah wujud sebagai penempatan masyarakat Bajau-Samah sebelum munculnya Brunei sebagai sebuah kesultanan yang besar di pantai barat Borneo pada akhir abad ke-15. Penempatan ini menjadi sebahagian dari wilayah kekuasaan kesultanan ini apabila kempen perluasan kuasa dilakukan oleh Sultan Bolkiah (1485-1524) pada awal abad ke-16. Semasa pemerintahan Sultan Abdul Kahar (1525-1530) berlaku ikatan perkahwinan antara baginda dengan puteri Raja Bajau yang menguasai Mengkabong. Hasil dari perkahwinan ini lahirnya Sultan Saiful Rijal (1533-1581) dan Bendahara Sakam, kedua orang tokoh keturunan Bajau-Samah yang berpengaruh dalam istana Brunei khususnya semasa berlakunya Perang Kastila pada tahun 1578 (Sweeney, 1968:54-55).

Pembentukan sistem pentadbiran Wilayah Jajahan kesultanan Brunei semasa pemerintahan Sultan Saiful Rijal membawa kepada pembahagian wilayah yang diperintah oleh para wazir sama ada dalam kalangan pembesar utama dan bangsawan. Wilayah Jajahan ini mempunyai status pegangan politik yang berbeza iaitu pegangan sultan semasa yang dikenali sebagai *Sungai Kerajaan*. Pegangan pembesar utama semasa iaitu sultan, bendahara, temenggong dan shahbandar sebagai *Sungai Kuripan*. Pegangan peribadi berketurunan bangsawan yang dianugerah sultan sebagai *Sungai Tulin*. Wilayah Jajahan atau Sungai tidak kekal status pegangannya, bergantung kepada kuasa sultan untuk meminda hak pemilikannya. *Sungai Tulin* ini juga sering dirujuk sebagai “negeri” dalam urusan rasmi dan rekod istana Brunei (Graham, 1994; Mohd. Jamil Al-Sufri, 1997; Bala, 2005; Asbol, 2011). Sungai Tulin Mengkabong merupakan antara wilayah jajahan yang awal dan meliputi kawasan yang luas. Kawasannya kemudian dibahagi kepada beberapa Wilayah Jajahan atas kehendak sultan antara abad ke-18 dan ke-19 atas sebab konflik dalaman istana dan persaingan antara para bangsawan. Walaupun begitu, Mengkabong masih mempunyai pengaruh yang kuat ke atas Wilayah Jajahan lain yang kemudian diwujudkan.

Mengkabong memainkan peranan sebagai benteng pertahanan utama Kesultanan Brunei di utara Borneo sehingga penyerahannya kepada British North Borneo Company pada tahun 1898 (CO 874/46; CO 874/47; CO 874/48). Sesuai dengan muka buminya yang berteluk, memiliki banyak pulau, laluan pelayaran yang sempit dan kedalaman air yang cetek, menjadikannya penempatan yang sukar ditembusi oleh musuh dari laut Karambunai dan Tuaran. Ancaman yang sering dihadapi adalah dari kawasan pedalaman kerana digunakan oleh musuh yang mendarat dari akses kuala sungai lain seperti sungai Menggatal dan sungai Likas. Serangan musuh adalah bertujuan untuk menguasai kawasan ini kerana kedudukannya strategik antara selatan dan utara pantai barat utara Borneo secara tidak langsung memutuskan penguasaan kesultanan Brunei di utara Borneo. Kawasan pedalaman juga kaya dengan sumber galian khususnya emas. Serangan juga dilakukan bertujuan mendapatkan mangsa dalam kalangan penduduk tempatan untuk dijadikan hamba jualan. Peningkatan serangan ini pada abad ke-18 menyebabkan Sultan Omar Ali Saifuddin I (1740-1778) menghantar Temenggong Abdul Momin Amirul Faza untuk memimpin pertahanan Mengkabong dan menumpaskan serangan masyarakat Tausug, Balangingi dan Iranun yang berusaha merebut kawasan teluk ini. Temenggong Abdul Momin yang digelar Raja Tua Mengkabong merupakan cucu kepada Sultan Abdul Jalilul Jabbar (1659-1660)

dan kekal menetap di Mengkabong sehingga hayatnya. Beliau kemudiannya berkahwin dengan puteri ketua Bajau-Samah tempatan dan dikurniakan dengan empat orang anak. Daripada merekalah lahir generasi seterusnya yang menjadi penyambung kepemimpinan Bajau-Samah di Mengkabong hingga kini (Mohd. Jamil Al-Sufri, 1999:9-25).

Penglibatan masyarakat Mengkabong khususnya Bajau-Samah dalam mempertahankan penguasaan Kesultanan Brunei bukan sahaja di utara Borneo tetapi juga hingga ke utara Sarawak. Para pahlawan Mengkabong yang terkenal dengan pertempuran di laut dan daratan menyebabkan mereka disegani oleh pihak musuh. Antara kempen ketenteraan dan pertempuran besar yang mereka terlibat ialah Perang Kastila, pemberontakan Kedayan, pemberontakan Limbang, Perang Menggatal dan Perang Marudu (Baszley Bee, 2018:147). Bukti penglibatan para pahlawan Mengkabong masih dapat diketemukan di beberapa buah pulau di sekitar teluk Mengkabong. Bukti ini adalah dalam bentuk makam, nisan, runtuh kota pertahanan dan tinggalan tapak penempatan lama. Begitu juga bukti penyebaran dan perkembangan Islam dalam bentuk makam dan nisan bertulis awal para sharif. Di samping itu, masyarakat Mengkabong kaya dengan sumber sejarah lisan yang diperturunkan dari generasi ke generasi hingga kini yang memperlengkapkan sumber dokumen sejarah.

WARIS TELUK MENKABONG

Salasilah Keluarga

Waris Teluk Mengkabong (WTM) adalah salah satu daripada kaedah lisan yang sering digunakan oleh generasi lama Teluk Mengkabong apabila bertemu di majlis-majlis bertujuan untuk mengenali pangkal kekeluargaan. Menerusi kaedah inilah maka salasilah keluarga yang panjang dan saling berkait antara satu sama lain akan terbentuk. Daripada beberapa sumber yang ditemui di dapati bahawa pangkal waris akan bertemu pada Raja Tua Mengkabong (Mohd. Jamil Al-Sufri, 1999:9-25). Terdapat tiga jenis salasilah yang digunakan dalam kalangan WTM. Pertama, salasilah yang memfokus kepada salasilah terperinci beberapa keluarga yang digabungkan dalam satu salasilah yang besar. Kedua, salasilah yang merujuk kepada satu keluarga sahaja. Ketiga, salasilah yang menggabungkan sebuah keluarga di sesebuah kampung dengan sebuah keluarga di kampung yang lain. Antara nama pangkal waris yang serupa ialah seperti Embo/Boh (Moyang) Elang, Embo Anting, Embo Dapin, Embo Seman dan lain-lain lagi. Para waris percaya bahawa nama-nama ini merujuk kepada nama panggilan anak-anak Raja Tua Mengkabong.

MAKAM DAN TINGGALAN LAMA

Salah satu keunikan yang terdapat di Teluk Mengkabong ialah mengenai kewujudan tanah-tanah perkuburan yang terletak di pulau-pulau kecil. Dua pulau yang popular dan mempunyai makam yang sering dikaitkan dengan sejarah kepahlawanan silam dan sharif oleh masyarakat tempatan ialah Pulau Belud (Bukit) Belanga dan Pulau Senorob. Wujud sebuah lagi pulau yang sangat jarang dilawati yang mempunyai kesan-kesan arkeologi batu-batu nisan dan runtuh pertahanan yang mengaitkan sejarah silam Mengkabong iaitu Pulau Dalas. Berdasarkan temu bual yang pernah dibuat dengan waris penjaga, kedudukan Pulau Dalas yang agak terlindung dengan pesisirnya dipenuhi dengan paya bakau tebal, menyebabkan ia sangat sukar untuk dikunjungi (Dasan, 2017). Ketiga-tiga pulau ini sangat berhampiran antara satu sama lain.

KELEBIHAN KOMPETITIF DARI PANDANGAN BERASASKAN SUMBER

Teori Pandangan Berasaskan Sumber atau *Resource-Based View Theory* menekankan bahawa sesebuah organisasi akan dapat menjalankan perniagaan yang menguntungkan dan berdaya saing jika organisasi itu mempunyai kelebihan sumber semulajadi atau sumber manusia yang sangat bernilai, sukar disaingi,

tidak dapat ditandingi, dan tidak boleh ditukar diganti (Barney, 1991; Wernerfelt, 1984). Berdasarkan kepada teori ini, Teluk Mengkabong mempunyai kelebihan kompetitif yang berupaya menjadikannya sebagai sebuah destinasi pelancongan yang popular dan lestari berasaskan ekopelancongan dan sumber sejarah yang hebat mengambil kira pertaliannya dengan empayar Kesultanan Brunei silam. Sekiranya pembangunan Teluk Mengkabong untuk menjadi destinasi pelancongan yang strategik dapat dilaksanakan, maka dengan sendirinya cabaran sosio-ekonomi dan cabaran ekosistem akan dapat diurus dengan baik.


METOD

Penyelidikan ini dijalankan menggunakan kaedah gabungan, kuantitatif dan kualitatif, di mana seramai 116 orang responden telah secara sukarela menjawab soal selidik yang disalurkan menerusi Borang Google yang dibuka selama tiga hari. Jumlah penduduk dalam Teluk Mengkabong diambil dari tiga kawasan Peti Undi DUN Dalit, yakni DUN di mana Teluk Mengkabong mempunyai tiga pusat mengundi dengan jumlah pengundi seramai lebih kurang 3,000 orang. Krejcie dan Morgan (1979) mencadangkan bahawa untuk jumlah 3,000 hingga 3500 orang, jumlah sampel ialah seramai 341-346 orang. Memandangkan ini adalah suatu tinjauan awal, maka jumlah 116 orang sampel adalah memadai. Selain itu, kajian ini juga menggunakan analisis sampel tetamu luar pada tahun 2016 di mana seramai 70 orang kakitangan Universiti Malaysia Sabah yang membuat program tanggungjawab sosial korporat di salah sebuah kampung dalam Teluk Mengkabong. Soal selidik yang digunakan mempunyai item yang sama.

Manakala, soalan kualitatif lebih difokuskan kepada penilaian tapak-tapak warisan sejarah yang terdapat dalam Teluk Mengkabong yang melibatkan beberapa orang responden generasi lama di kampung ini. Pemilihan responden dibuat berdasarkan *snow-ball sampling* di mana setiap responden yang ditanya akan memberi nama orang lain untuk dirujuk selepas itu (Connelly & Clandinin, 1990; Clandinin & Rosiek, 2006). Lawatan ke kawasan bersejarah turut diadakan dan proses pengecaman tulisan pada batu nisan dibuat berpandukan kepada kepakaran ahli penyelidik (Baszley Bee Basrah Bee).

PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

Soal selidik mengenai pengetahuan am responden berkaitan potensi Teluk Mengkabong sebagai pusat pelancongan komuniti berteraskan ekosistem semulajadinya dan warisan sejarah diedarkan kepada dua kumpulan yang berlainan iaitu kumpulan masyarakat di perkampungan Teluk Mengkabong seramai 116 orang dan kumpulan tetamu dari luar seramai 70 orang yang terdiri dalam kalangan kakitangan Universiti Malaysia Sabah yang membuat aktiviti tanggungjawab sosial korporat membersihkan dua kawasan tanah perkuburan di dua pulau bersebelahan dalam Teluk ini pada tahun 2016.




Rajah 1: Cadangan Perniagaan yang Ingin Dijalankan oleh Penduduk Teluk Mengkabong

MAKLUM BALAS PENDUDUK TELUK MENKABONG

Rajah 1 menunjukkan masyarakat di perkampungan ini berpendapat bahawa bagi melengkapkan pengalaman yang bakal diperoleh oleh para pelancong, maka fasiliti seperti kedai makan khususnya kedai makan terapung perlu diwujudkan. Ini adalah melengkapkan keunikan Teluk Mengkabong itu sendiri yang mempunyai kawasan permukaan air laut yang luas dan berlatarbelakangkan pemandangan indah Gunung Kinabalu ketika matahari mula muncul dan ketika ia terbenam pada waktu senja. Keindahan panorama waktu pagi dan senja ini sesuai untuk dijadikan sebagai antara sumber utama yang mempunyai nilai impak yang tinggi kepada Teluk Mengkabong. Menurut Ismagilova et al. (2015), pemandangan dan objek semulajadi merupakan sebahagian dari sebab utama pelancong melawat ke destinasi pelancongan tertentu. Cadangan bagi kedai makan terapung perlu mengambil kira kawasan yang strategik. Selain itu, hasil laut segar yang boleh diperolehi di kampung ini akan menjadi daya penarik kepada kedai makan yang diwujudkan. Apatah lagi jika hasil laut yang dijadikan sebagai menu kedai makan juga memberi opsyen kepada pelancong untuk makan sendiri hasil aktiviti tangkapan mereka. Antara aktiviti permainan berkaitan hasil laut yang dicadangkan oleh responden ialah memancing, memukat, menjala, memerangkap (ketam dan belut) dan mencari lokan.

Aktiviti permainan atas air seperti jet ski, bersampan (*biduk*), berenang dan beberapa aktiviti lasak yang lain menjadi pilihan ketiga untuk dicadangkan diadakan di Teluk Mengkabong. Seusai aktiviti seperti ini, para pelancong dalam kumpulan yang kecil dan minat bentuk lawatan yang berbentuk pengembaraan mungkin ingin merasakan sendiri pengalaman tinggal di perkampungan ini. Sehubungan itu, perniagaan penginapan dicadangkan untuk dibangunkan dalam konsep rumah penginapan (*homestay*). Ini akan memberi ruang yang lebih banyak untuk pelancongan merasai sendiri pengalaman melawat dan mempelajari beberapa projek komuniti dalam bidang agropelancongan seperti penternakan tiram. Masyarakat etnik Bajau-Samah juga mempunyai makanan tradisi yang popular khususnya penjaram (Janin, Sidah, Dasan, & Marzuki, 2020). Kuih penjaram diperbuat daripada tepung beras, tepung jagung, santan dan minyak di mana kadangkala daun pandan digunakan untuk menjadikannya berperisa. Lain-lain jenis kuih tradisi ialah kuih cincin atau geliga, sapit, jala, lapat, lamban, kuih sarang semut dan lain-lain lagi.

Pakej ziarah sejarah merujuk kepada pengurusan pakej lawatan ke kawasan makam perkuburan pahlawan-pahlawan lama yang terkorban semasa era Kesultanan Brunei. Makam-makam ini tidak diceritakan secara terbuka dan ia hanya bualan mulut daripada generasi ke generasi. Selain itu terdapat juga telaga lama yang telah wujud di salah sebuah kampung di teluk ini yang dipercayai oleh penduduk setempat sebagai punca air kepada masyarakat silam. Selain itu, cadangan perniagaan lain termasuklah, lawatan sekeliling teluk menaiki bot, membina rumah tradisi etnik Bajau-Samah atas air, pelantar pemandangan terapung, dan kenderaan pick-up berhias serta kedai runcit yang mesra pelancong (penggunaan kad debit, kad kredit dan *pay wave*).



Rajah 2: Cadangan Perniagaan untuk Menyokong Ekopelancongan Teluk Mengkabong

MAKLUM BALAS TETAMU LUAR

Kaji selidik mengenai potensi Teluk Mengkabong telah dilakukan lebih awal iaitu pada tahun 2016. Walaupun data ini sudah lama, akan tetapi keadaan Teluk Mengkabong masih sama. Seramai 70 orang kakitangan UMS telah mengadakan program membersihkan kuburan di dua buah pulau dalam Teluk Mengkabong iaitu Pulau Belud Belanga dan Pulau Senorob seperti yang dipaparkan dalam Rajah 2. Kesemua responden adalah dari luar perkampungan Teluk Mengkabong, Semenanjung Malaysia, Sarawak dan antarabangsa. Tidak sampai 10 peratus daripada responden pernah sampai ke perkampungan ini dan kesemuanya tidak mengetahui mengenai kewujudan pulau-pulau yang terdapat dalam Teluk Mengkabong. Hasil soal selidik yang dijalankan mendapati wujud persamaan pendapat antara tetamu luar dengan cadangan yang dikemukakan oleh masyarakat Teluk Mengkabong. Perbezaan yang ketara hanyalah pada cadangan pakej ziarah sejarah. Hal ini adalah disebabkan sebahagian besar responden adalah ahli akademik yang melihat keunikan warisan sejarah sebagai tarikan utama yang boleh menjadikan kekuatan Teluk Mengkabong di samping ekologi.

Analisis yang boleh disimpulkan menerusi soal selidik daripada kedua-dua kumpulan ini iaitu masyarakat setempat dan tetamu luar mendapati bahawa Teluk Mengkabong mempunyai kekuatan yang sangat tinggi kelestarian perniagaannya sebagai destinasi pelancongan yang bersandarkan kepada ekologi dan warisan sejarah. Kajian arkib mengenai sejarah masyarakat Bajau-Samah Teluk Mengkabong dengan Kesultanan Brunei lama adalah satu faktor yang memberi kelebihan kepada Teluk

Mengkabong. Walau bagaimanapun, usaha susulan mengenal pasti dan membangunkan kawasan-kawasan berkenaan perlu dilakukan bagi merealisasikan usaha ini.

KESIMPULAN

Sesebuah komuniti yang bersatu hati memajukan perusahaan pelancongan secara bersepadu dan komprehensif mampu membangunkan taraf hidup mereka dengan penjana pendapatan dari pelbagai bentuk perniagaan sokongan yang dihasilkan sepertimana yang tercatat pada Rajah 1. Bertitik-tolak dari perniagaan sokongan inilah peluang-peluang pekerjaan yang menjana *pencarian* (pendapatan) yang konsisten akan berjaya membangunkan sosio-ekonomi masyarakat (Choi et al., 2021; Mai & Smith, 2015). Dengan merealisasikan usaha menjadikan Teluk Mengkabong sebagai salah satu destinasi ekopelancongan baharu yang bersandarkan kepada kekuatan warisan sejarah dan ekologiinya maka ia pasti akan merancakkan lagi usaha kerajaan dalam meningkatkan industri pelancongan dalam negara sementara pandemik COVID-19 masih menghalang atau mengehadkan kemasukan pelancong dari luar negara. Pada masa yang sama, komuniti yang mengusahakan konsep pelancongan seperti ini boleh belajar dari pengalaman pelancong dalam negara untuk bersedia menerima kunjungan lebih ramai pelancong dari luar negara kelak. Ini mengambil kira minat para pelancong masa kini yang tertumpu kepada pakej ekologi (Diamantis, 1999; McKinney, 2016; Nguyen & Bosch, 2013) dan warisan sejarah (Ismagilova et al., 2015; Light, 2015; Towner & Wall, 1991) yang terdapat di sesebuah destinasi pelancongan. Dalam usaha menggarap strategi yang praktikal dan mempunyai kebolehlaksanaan yang tinggi, maka ketokohan pemimpin di sesebuah kawasan itu adalah amat diperlukan. Pemimpin itu tidak semestinya ketua masyarakat. Sebaliknya, seorang yang berilmu, berwawasan dan berpengalaman serta mempunyai pertanggungjawaban yang tinggi terhadap kuasa yang diberikan kepadanya dalam mengurus perancangan organisasi, yakni perusahaan komuniti (Peredo & Chrisman, 2006).

RUJUKAN

- Asbol Haji Mail. (2011). *Kesultanan Melayu Brunei Abad Ke-19: Politik dan Struktur Pentadbiran*. Berakas: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bala, Bilcher. (2005). *Thalassocracy: A History of the Medieval Sultanate of Brunei Darusslam*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Baszley Bee Basrah Bee. (2018). Asal usul dan perluasan kuasa masyarakat Brunei di kepulauan Borneo antara abad ke-14-19 Masihi. *Malaysia Museum Journal*, 35:140-154.
- Barney, J. B. (1991). Firms Resources and Sustained Competitive Advantage. *Journal of Management*, 17(1), 99–120.
- Chhetri, P., Arrowsmith, C. & Jackson, M. (2004). Determining hiking experiences in nature-based tourist destinations. *Tourism Management*, 25(1), 31-43.
- Mohd Amin, N., & Chhetri, P. (2012). Exploring nature-based hiking experiences at the Mount Datuk in Malaysia. In Zainal et al. (Eds), *Current Issues in Hospitality and Tourism Research and Innovations* (pp 567-570). London: Taylor & Francis Group. ISBN 978-0-415-62133-5
- Choi, Y. E., Oh, C. O., & Chon, J. (2021). Applying the resilience principles for sustainable ecotourism development: A case study of the Nakdong Estuary, South Korea. *Tourism Management*, 83, 104237.
- CO 874/46. Grant by Pengeran Jalaluddin of Mengkabong, Menggatal, Api-Api, Simbulan, Napas and Tembelang. 23 March 1998.
- CO 874/47. Grant by Sultan of Brunei of Mengkabong, Menggatal, Inanam, Api-Api, Membakut and Kuala Lama. 30 March 1998.
- CO 874/48. Grant by Pengeran Anak Siti Khatijah of Mengkabong. 30 March 1998.
- Connelly, F. M., & Clandinin, D. J. (1990). Stories of experience and narrative inquiry. *Educational Researcher*, 19(5), 2–14.

- Clandinin, D. J., & Rosiek, J. (2006). Mapping a landscape of narrative inquiry: Borderland spaces and tensions. In: D. J. Clandinin (Ed.), *Handbook of narrative inquiry: Mapping a methodology* (pp. 35–80). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Graham, S. (1994). *A History of Brunei*. Kuala Lumpur: Oxford University Press
- Dasan, J. (2017, May 21). *Lagenda Teluk Mengkabong – Part 1*. <https://www.youtube.com/watch?v=KHyhj9kPbU4&t=313s>.
- Diamantis, D. (1999). The concept of ecotourism: Evolution and trends. *Current Issues in Ecotourism*, 2(2&3), 93-122.
- Ismagilova, G., Safiullin, L., & Gafurov, I. (2015). Using historical heritage as a factor in tourism development. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 188, 157-162. doi: 10.1016/j.sbspro.2015.03.355
- Janin, Y., Sidah, I., Dasan, J., & Marzuki, K. M. (2020). Miyolon Aidilfitri Kampung Darau: Tradisi Barter-Trade Serlah Keakraban Masyarakat Etnik di Sabah. Dalam Sintang, S., Hasbollah, H., M.N.H., Marinsah, S.A., & Beddu Asis, A.H. (Eds.), *Budaya Etnik Serumpun*. Penerbit UMS. ISBN:978-967-2962-07-6
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*.
- Light, D. (2015). Heritage and Tourism. In E. Waterton et al. (eds.), *The Palgrave Handbook of Contemporary Heritage Research* (pp 144-158). Macmillan.
- Mai, T., & Smith, C. (2015). Addressing the threats to tourism sustainability using systems thinking: A case study of Cat Ba Island, Vietnam. *Journal of Sustainable Tourism* 23(10), 1504-1528 (2015).
- McKinney, T. (2016). Ecotourism. In A. Fuentes (ed.), *The International Encyclopedia of Primatology* (pp 1-2). John Wiley & Sons, inc.
- Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC), (2021, July 21). *MOTAC's Efforts To Assist The Tourism Sector Affected By The COVID-19 Pandemic Feedback on The Press Statement By Malaysian Association of Theme Park & Family Attractions (MATFA) on Malaysian Tourism Industry*. Retrieved from <http://www.motac.gov.my/en/media/release/motac-s-efforts-to-assist-the-tourism-sector-affected-by-the-covid-19-pandemic-feedback-on-the-press-statement-by-malaysian-association-of-theme-park-family-attractions-matfa-on-malaysian-tourism-industry>
- Mohd. Jamil Al-Sufri. 1997. *Tarsilah Brunei: Zaman Kegemilangan dan Kemasyuran, Jilid II*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Mohd. Jamil Al-Sufri. 1999. Pengiran Temenggong Raja Tua Abdul Momin Amirul Faza. *Pustaka*. 9:9-25.
- Nguyen, N. C., Bosch, O. J. H. (2013). A systems thinking approach to identify leverage points for sustainability: A case study in the Cat Ba Biosphere Reserve, Vietnam. *Systems Research and Behavioral Science*, 30(2), 104-115.
- Peredo, A. N., Chrisman, J. J.: Towards a theory of community-based enterprise. *Academy of Management Review*, 31, 309-328 (2006).
- Sabah Tourism Board. (2021, July 23). General information: About Us. [https:// www.sabahtourism.com/about-us/?locale=en](https://www.sabahtourism.com/about-us/?locale=en)
- Sanders, Graham. 1994. *A History of Brunei*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sweeney, P.L. Amin. 1968. Silsilah Raja-Raja Brunei. *JMBRAS*. XLI (2):1-82.
- Towner, J., and Wall, G. (1991). History and tourism. *Annals of Tourism Research*, 18(1), 71-84. [https://doi.org/10.1016/0160-7383\(91\)90040-I](https://doi.org/10.1016/0160-7383(91)90040-I)
- Wernerfelt, B. (1984). A Resource-Based View of the Firm. *Strategic Management Journal*, 5(2), 171–180.